

## HUBUNGAN ETNIK RENTAS AGAMA DAN BUDAYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU PENGENALAN

***ETHNIC RELATION ACROSS RELIGION AND CULTURE  
FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE: AN INTRODUCTION***

**Habibah @ Artini Ramlie<sup>1</sup>**

**Habsah Omar<sup>2</sup>**

**Norshahrul Marzuki Mohd Nor<sup>3</sup>**

**Dg. Hafizah Ag. Basir<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mail: habibah\_artini@ums.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Jeli, Kelantan, Malaysia (E-mail: habsahomar@pjk.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia,(E-mail: norshahrul@fsk.upsi.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, (E-mail: dhafizah@ums.edu.my)

### Article history

**Received date** : 11-11-2023

**Revised date** : 19-11-2023

**Accepted date** : 7-3-2024

**Published date** : 15-4-2024

### To cite this document:

Ramlee, A., Omar, H., Mohd Nor, N. M., & Ag. Basir, D. H. (2024). Hubungan etnik rentas agama dan budaya menurut perspektif islam: Satu pengenalan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (61), 389 – 397.

**Abstrak :** Masyarakat di negeri Sabah terkenal dengan sikap keterbukaan dan toleransi yang tinggi. Hubungan antara etnik berjalan dalam suasana harmoni tanpa sebarang isu yang boleh menimbulkan kegusaran masyarakat. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya tersebut menurut perspektif Islam. Kajian berbentuk kualitatif melibatkan kajian perpustakaan. Dapatkan kajian menunjukkan Islam tidak menghalang hubungan etnik rentas agama dan budaya yang dijalankan atas dasar persaudaraan dan perpaduan sangat namun ia terikat dengan garis panduan tertentu yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.

**Kata Kunci:** Hubungan etnik, rentas agama dan budaya, hukum syarak

**Abstract :** The community in the state of Sabah is known for its high level of openness and tolerance. The relationship between ethnic groups exists in a harmonious atmosphere without any issues that could cause annoyance among the community. The objective of this study is to review the aspects of ethnic relation across religion and culture from an Islamic perspective. This qualitative study involves library research. The findings indicate that Islam does not hinder ethnic relation across religion and culture that is established on the basis of universal brotherhood and unity. However, such relation is bound by specific guidelines set forth by Islamic law.

**Keywords:** Ethnic relation, across religious and culture, Islamic law

## Pengenalan

Konflik etnik di Malaysia kebanyakannya berpunca dari batas sosial yang wujud kerana perbezaan budaya, bahasa dan agama telah menimbulkan satu jurang etnik yang sukar dinafikan (Zakaria & Daud, 2018). Jurang perbezaan khususnya dalam bidang ekonomi dan pendidikan, ditambah dengan perbezaan lain seperti agama dan kepercayaan, bahasa serta budaya sering menyebabkan berlakunya pergeseran (Yahaya, 2009). Kajian Jusoh dan Embong (2021) menyokong situasi tersebut dan mendapati antara cabaran utama dalam memperkuuh masyarakat bersifat *superdiversity* seperti Malaysia adalah aspek etnik, agama, budaya, sosioekonomi, politik dan pendidikan. Justeru dalam mengurus perhubungan etnik dan agama di Malaysia, kerajaan semenjak merdeka telah memilih untuk dipandu oleh falsafah integrasi (perpaduan) berbanding asimilasi kaum, budaya mahupun cara hidup. Ia dipupuk dengan nilai kesederhanaan kerana nilai tersebut boleh membentuk perpaduan kaum di Malaysia sekiranya dihayati dan dilaksanakan dalam segala urusan kehidupan (Ismail, Hassan & Zakaria, 2016). Atas dasar pegangan bahawa hubungan etnik yang baik dapat memupuk kesepadan sosial seterusnya mengukuhkan pembinaan negara bangsa (Tan & Abdullah, 2021), pendekatan yang bijaksana dan kerjasama daripada semua pihak diperlukan bagi menghadapi cabaran ini (Jusoh et al., 2021) khususnya dalam konteks negeri Sabah yang terdiri dari penduduk pelbagai agama, kaum, etnik dan budaya. Justeru objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya tersebut menurut perspektif Islam.

Menelusuri sejarah, populasi di Sabah mencatat sebanyak 454,421 orang pada tahun 1960 dengan 33.0 peratus perubahan daripada tahun 1951. Era pasca merdeka menyaksikan populasi penduduk Sabah semakin pesat dengan mencatat 651,304 orang (39.5 peratus) pada tahun 1970 kepada 929,299 orang pada tahun 1980 (46.0 peratus). Jumlah ini terus meningkat kepada 1,498,689 pada tahun 1993,136,600 pada tahun 2000. Seterusnya mengikut statistik yang tercatat dalam *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014* (2015), bilangan penduduk Sabah direkodkan berjumlah seramai 3,206,742 orang pada tahun 2010 dan terdiri daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek etnik. Selama hampir dua dekad, penduduk Sabah bertambah 35 kali ganda dalam tempoh 60 tahun pasca merdeka dengan pertambahan penduduk sebanyak 301 peratus (Najir, 2019). Pertambahan penduduk tersebut berkembang seiring dengan kepelbagaian agama, budaya serta etnik.

## Sorotan Kajian

Setiap individu, kepercayaan, bangsa, kebudayaan dan peradaban mempunyai tasawur atau pandangan alam masing-masing (Md Nawi & Che Daud, 2019). Dalam konteks negeri Sabah, masyarakat di Sabah dilihat tidak sukar untuk menjalinkan hubungan rapat meskipun berlainan etnik kerana mempunyai penerimaan yang tinggi dan bersikap lebih matang dalam menangani perbezaan dan konflik secara harmonis (Lukin et al., 2021). Ia juga disebabkan oleh faktor lokaliti. Hal ini kerana penempatan penduduk di Sabah agak berselerak dan bercampur sejak dahulu. Penempatan penduduk yang bercampur dan amalan kegiatan ekonomi tradisional yang sama secara tidak langsung telah menggalakkan proses interaksi antara pelbagai etnik di Sabah. Selain itu, interaksi sehari-hari turut mudah berlaku kerana bilangan kumpulan etnik di Sabah terlalu banyak dan tidak terdapat kumpulan etnik yang bersifat majoriti. Situasi sebegini akhirnya telah mendorong pemimpin daripada pelbagai kumpulan etnik di Sabah bekerjasama dalam parti-parti politik yang sama (Mohd Tamring, 2008a).

Namun kajian oleh Che Ya (2016) sebelumnya menemui pandangan berbeza. Dapatkan kajian beliau menunjukkan kegiatan parti politik yang bersifat etnik atau perkauman amat ketara di Sabah. Situasi ini muncul berikutan ketidakpuasan hati dan perasaan ‘tertindas’ yang dialami

oleh sesuatu etnik kerana berasa dipinggirkan sama ada secara sengaja atau tidak dalam arus pembangunan meliputi aspek sosial, ekonomi, politik dan pendidikan. Justeru akan muncullah seseorang pemimpin yang berjuang untuk kemajuan etniknya sendiri dan hal ini memberi impak kepada parti tersebut ataupun pemimpin yang mewakili satu-satu golongan. Kaum yang mempunyai jumlah yang agak ramai atau majoriti di sesebuah kawasan menjadi dominan sekaligus ‘suara’ kaum tersebut akan mempengaruhi setiap keputusan dalam hal pembangunan masyarakat setempat.

Ikatan etnik dan kaum yang kuat serta telah tersedia diwarisi sejak dahulu juga diamalkan sehingga kini dengan kaedah yang berbeza. Dalam masyarakat berbilang kaum dan etnik, berbagai ikatan kesetiaan wujud di kalangan anggota-anggotanya. Ada ikatan yang mengikut garis etnik dan ada beberapa ikatan merentasi garis etnik dan kaum. Seseorang individu mungkin akan memilih beberapa ikatan kesetiaan untuk kebaikan dan kepentingannya. Sungguh pun begitu, individu yang mempunyai beberapa ikatan kesetiaan perlu menyesuaikan ikatan kesetiaannya ita dengan kepentingannya. Dorongan yang paling kuat bagi pembentukan kumpulan manusia ialah keperluan untuk melindungi dan menambahkan hak seseorang individu terhadap prestij, kuasa dan kekayaan yang ada dalam masyarakat itu (Che Ya, 2016).

Bagaimanapun kehidupan masyarakat Sabah mulai berubah selepas berlakunya penyebaran agama Islam dan Kristian kerana masyarakat Sabah mulai mengamalkan kehidupan berlandaskan ajaran agama yang mereka anuti. Sabah mencatatkan sejarah perkembangan agama yang tersendiri yang tidak ditemui dalam catatan sejarah perkembangan agama di negeri-negeri lain di Malaysia. Hal ini kerana fenomena agama di Sabah terbentuk hasil daripada pengalaman sejarah pengislaman beramai-ramai yang melibatkan masyarakat pedalaman pada awal tahun 1970-an sehingga 1985 (Sintang, Mohd Tamring, Lukin & Mohd. Yakin, 2019). Ia juga berlaku disebabkan oleh sejarah perkembangan agama di Sabah mempunyai hubung kait dengan pemerintahan politik sehingga menyebabkan penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Sabah berubah-ubah mengikut fasa perkembangan parti politik yang menerajui kepimpinan pemerintahan di Sabah (Aratin & Abdul Rahman, 2022).

Kajian Aratin & Abdul Rahman (2022) juga mendapati bahawa tahap hubungan antara agama di Sabah adalah tinggi sehingga perbezaan agama yang berbangkit dalam kalangan masyarakat bukan penghalang buat mereka untuk menjalinkan hubungan. Malah, penerimaan masyarakat terhadap kepelbagaiannya penganutan agama dalam satu institusi kekeluargaan yang terbentuk melalui budaya perkahwinan campur juga adalah tinggi. Kesan baik yang dilihat apabila wujudnya hubungan baik yang terbentuk dalam kalangan penganut agama di Sabah membolehkan masyarakat hidup dalam keadaan aman dan harmoni tanpa menjadikan agama sebagai isu yang boleh memecahbelahkan kehidupan bermasyarakat. Perlu diketahui bahawa isu keagamaan yang berbangkit di negeri Sabah lazimnya melibatkan isu teologi, isu tuntutan hak teologi serta isu sosial. Namun isu teologi lebih banyak dibangkitkan dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah berbanding isu lain. Menghalusi perkara ini, satu gagasan yang dinamakan sebagai ‘Fiqh Sabahi’ merangkumi perkara berkaitan hukum hakam, dakwah, pendidikan serta apa sahaja perkara dalam kehidupan masyarakat Sabah dicadangkan kerana dilihat lebih sesuai dengan persekitaran dan kemajmukan masyarakat setempat (*Utusan Borneo*, 2017).

Gagasan ‘Fiqh Sabahi’ menurut Mufti Kerajaan Negeri Sabah Sahibus Samahah Datuk Ustaz Hj Bongsu @Aziz Hj Jaafar bakal memudahkan umat Islam memahami hukum hakam agama terutama yang berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat majmuk di Sabah. Hal ini

antara lain dicetuskan oleh keterbiasaan masyarakat Sabah dengan sesuatu perkara walaupun berbeza agama seperti memberi dan menyambut salam, ucapan selamat menyambut sesuatu perayaan serta hukum solat Jumaat kurang dari 40 orang adalah sah setelah diperhalusi sebaiknya (*Utusan Borneo*, 2017). Kerajaan Sabah juga telah mewujudkan Jawatankuasa Penyelarasan Hal Ehwal Islam Sabah (JaPHEIS) bagi menyelaras program dan dasar berkaitan agama Islam di negeri Sabah. Ia menjadi platform kepada pihak kerajaan negeri dalam membincang, menimbang serta mengurus hal ehwal Islam yang dirujuk kepada kerajaan negeri oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam dan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam seiring dengan gagasan 'Fiqh Sabahi' (*Sabah Gazette*, 2021).

Dalam konteks persekolahan, perbezaan agama juga tidak menjadi penghalang serta alasan untuk pelajar tidak bekerjasama dalam suasana kepelbagaian agama dan budaya kerana pelajar sentiasa bersikap positif dan terbuka (Mohd Tamring, 2008b; Mohd Tamring & Mahali, 2020; Khairu Anwar, Tan & Mahadir Naidu, 2021). Pelajar turut dilihat sentiasa berusaha untuk mempelajari sesuatu yang baru dari rakan-rakan mereka yang berlainan agama dan budaya. (Ramlie, Mokhtar, Esa & Hashim, 2022a; Ramlie, Hashim, Mokhtar & Esa, 2022b; Ramlie & Mohd Nor, 2023b). Justeru bersandarkan sorotan kajian ringkas yang telah dibentangkan, penulisan ini akan meninjau perbincangan berhubung aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya tersebut menurut perspektif Islam.

### **Perspektif Islam Tentang Aspek Hubungan Etnik Rentas Agama Dan Budaya**

Berpandukan sumber-sumber yang kukuh, kajian Ismail, Noor Zainan & Ab. Rahman (2023) merumuskan bahawa aspek toleransi dalam beragama itu merangkumi toleransi dalam bidang ibadah, toleransi dalam bidang kemsyarakatan, toleransi dalam kehidupan bernegara. Perkara ini ternyata tidak bertentangan apabila dikaitkan dengan aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya menurut perspektif Islam. Islam memandang tinggi aspek keharmonian hidup bermasyarakat kerana Islam adalah agama yang bersifat syumul dalam segenap aspek kehidupan manusia. Ia diungkapkan menerusi firman Allah s.w.t dalam kitab suci Al-Quran ayat 13 Surah al-Hujurat dan ayat 8 Surah al-Mumtahanah.

Maksud firman Allah s.w.t :

*'Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).'*

(Al-Hujurat: 13)

Maksud firman Allah s.w.t :

*'Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kalian dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.'*

(Al-Mumtahanah : 8)

Ayat di atas jelas menyatakan bahawa Allah s.w.t telah menciptakan manusia dari lelaki dan perempuan yang datang daripada berbagai-bagai bangsa dan puak untuk saling mengenali

sesama manusia. Allah s.w.t mengiktiraf kepelbagaian kaum, bangsa, puak dan etnik sebagai tanda kekuasaan Allah s.w.t yang mencipta kepelbagaian selain menunjukkan pengiktirafan Islam terhadap kewujudan bangsa-bangsa lain yang ada di dunia. Kekurangan sesuatu bangsa atau budaya yang ditampung oleh kelebihan etnik lain selain perkongsian penguasaan ilmu, teknologi, kemahiran dan pengalaman adalah natijah perkongsian masyarakat multi etnik yang sangat positif (Mohamad Rohana, N.A., P. Rameli, M.F., Nordin, R., & Hashim, S.N.I. , 2017). Allah s.w.t juga tidak melarang kita untuk melakukan kebaikan kepada individu yang tidak memusuhi kita sebagai orang Islam serta mereka yang tidak mengusir kita daripada tempat tinggal demi menjaga keharmonian hidup bersama. Mulianya seorang manusia itu tidak terletak pada kemegahan bangsa atau puaknya, sebaliknya mereka yang tinggi ketakwaannya kepada Allah. Penulisan Mohamad Rohana et al. (2017) mengutarakan bahawa asas-asas hubungan etnik menurut Islam merangkumi *al-Ta'ruf* (saling berkenalan), *al-Tafahum* (saling memahami), *al-Ta'awun* (saling bekerjasama), *al-Ukhuwah* (persaudaraan), *al-Mahabbah* (berkasih sayang) dan *al-Tadamun* (saling menjamin). Kepentingannya boleh diringkaskan seperti berikut :

#### *Al-Ta'ruf* (saling berkenalan)

Dalam proses menjalankan apa-apa bentuk hubungan antara sesama manusia, Islam telah menggalakkan kita untuk saling kenal-mengenal terlebih dahulu sebelum berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih mendalam. Tujuannya adalah untuk mendedahkan kita dengan hati budi serta sikap seseorang itu walau hanya dengan pandangan kasar. Ia adalah bagi memberikan ruang kepada kita menilai secara rasional sama ada hubungan tersebut perlu diteruskan atau sebaliknya.

#### *Al-Tafahum* (saling memahami)

Setiap hubungan kekeluargaan, hubungan persahabatan, hubungan di antara pasangan, hubungan di antara majikan dan pekerja serta hubungan di antara guru dan pelajar memerlukan kedua-dua belah pihak untuk saling memahami di antara satu sama lain. Konteks ini penting untuk mengelakkan daripada timbulnya sebarang isu ketika berinteraksi seperti perselisihan faham serta penerimaan maklumat yang tidak tepat.

#### *Al-Ta'awun* (saling bekerjasama)

Sebagai satu masyarakat yang hidup di bawah bumbung yang sama, sikap kerjasama perlulah ditekankan dan dipupuk dengan baik dalam usaha menjayakan sesuatu perkara yang mendatangkan faedah dan manfaat kepada semua. Kerjasama yang diberikan oleh semua pihak memainkan peranan yang signifikan serta merupakan gambaran untuk menilai kemampuan sesebuah komuniti mahupun organisasi dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

#### *Al-Ukhuwah* (persaudaraan)

Hubungan yang wujud di antara kita dengan manusia lain pada dasarnya telah mencipta tali persaudaraan tanpa kita sedari. Hubungan persaudaraan yang wujud ini mendorong kita menghargai dan memanfaatkan ikatan tersebut sebaik-baiknya serta mendidik kita untuk menggunakan strategi berkomunikasi paling berkesan serta efisien dalam usaha memastikan hubungan tersebut terus berkekalan untuk tempoh masa yang lama.

#### *Al-Mahabbah* (berkasih sayang)

Islam mengajar kita untuk menyemai nilai kasih sayang dalam setiap hubungan yang dibina. Hal ini kerana kasih sayang merupakan elemen yang penting untuk membentuk

hubungan yang berkualiti dan bermakna. Perasaan kasih sayang merupakan ‘akar’ kepada sesebuah hubungan, yang akan menerbitkan perasaan-perasaan lain untuk membangunkan hubungan yang harmoni antara sesama manusia.

*Al-Tadamun* (saling menjamin)

Saling berkenalan, memahami, bekerjasama, mengukuhkan persaudaraan dan berkasih sayang akan memupuk sikap saling menjamin keharmonian di antara satu sama lain. Ia merupakan matlamat akhir ‘*hablu min annas*’ dalam hidup manusia ke arah mencapai kebahagiaan jiwa di dunia dan di akhirat.

Semua nilai murni dalam kehidupan ini perlu dilaksanakan selari dengan perintah Allah s.w.t yang memerintahkan kita agar sentiasa berbuat baik seperti yang terkandung dalam firman Allah s.w.t ayat 10 Surah al-Hujurat dan ayat 1 Surah An-Nisa’.

Maksud firman Allah s.w.t :

*‘Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.’*

(Al-Hujurat : 10)

Maksud firman Allah s.w.t :

*‘...Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.’*

(An-Nisa’ : 1)

Berpandukan ayat di atas, Allah s.w.t memerintahkan agar setiap manusia terus mengekalkan dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Setiap perselisihan faham yang timbul hendaklah diselesaikan dengan penuh berhemah dengan meletakkan sepenuh ketakwaan kepada Allah untuk memperoleh berkat dan rahmat dari Nya. Penting untuk saling berbuat baik serta tidak hanya membiarkan atau berdiam diri jika melihat kezaliman oleh mana-mana pihak. Namun begitu, Islam tetap meletakkan garis panduan dalam kita menyantuni aspek hubungan rentas agama dan budaya. Antaranya umat Islam itu sendiri hendaklah berpegang teguh dengan ajaran Islam, tidak berpecah belah dan tidak memaksa individu lain untuk memeluk Islam, apatah lagi dengan kaedah yang keras.

Maksud firman Allah s.w.t :

*‘Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.’*

(Ali Imran : 103)

Maksud firman Allah s.w.t :

*‘Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia*


*telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.'*  
 (Al-Baqarah : 256)

Maksud firman Allah s.w.t :

*'Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?'*

(Yunus : 99)

Ayat-ayat di atas jelas menunjukkan bahawa seorang Muslim hendaklah berpegang teguh dengan ajaran Islam serta tidak berpecah-belah sesama umat Islam. Pada masa yang sama, tidak ada sebarang paksaan untuk menganuti agama Islam kepada individu yang bukan beragama Islam kerana kebenaran yang wujud sudah cukup untuk membuktikan bahawa Islam adalah agama yang benar, yang tidak akan sesekali membawa kepada kekufturan atau kesesatan. Perspektif Islam tentang aspek hubungan etnik rentas agama dan budaya khususnya di Sabah berpandukan penulisan ini membawa kepada penghasilan model pada Rajah 1.



**Rajah 1: Hubungan Etnik Rentas Agama dan Budaya Berlandaskan Prinsip Islam**

Sebagai rumusan berpandukan Rajah 1, Islam tidak menghalang hubungan etnik rentas agama dan budaya yang dijalankan atas dasar persaudaraan dan perpaduan sejagat. Namun ia perlulah selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Antaranya adalah dengan sentiasa bergaul mesra untuk saling mengenali antara satu sama lain, melakukan kebaikan, mengekalkan hubungan baik dengan orang lain, hidup bersatu-padu dan yang paling penting, menjaga akidah sebagai umat Islam.

### Kesimpulan

Hubungan antara kepelbagaian etnik merentasi agama dan budaya memerlukan kita untuk memahami serta menelusuri konsep ini dari pelbagai perspektif dalam usaha membentuk komuniti yang aman dan harmoni. Keunikan serta kemampuan untuk hidup bertoleransi di bawah bumbung yang sama dengan kepelbagaian kepercayaan, budaya, adat, kelakuan dan sebagainya merupakan suatu nilai yang sungguh mahal dan berharga. Ajaran Islam tidak melarang kita untuk menjalankan hubungan dengan mereka yang berlainan agama, malahan hidup bermasyarakat amatlah digalakkan. Islam mengajar kita untuk bersifat toleransi dan bertolak-ansur sesama manusia serta menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan seharian sebagai salah satu daripada anggota lapisan masyarakat. Selain itu, Islam juga menekankan kita untuk berdiri teguh bersama dan tidak berpecah belah kerana kemajuan dan keharmonian sebuah negara adalah berpaksi kepada asas perpaduan yang kukuh dalam kalangan anggota masyarakatnya.

### Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Skim Dana Khas yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah bertajuk ‘Formulasi Model Hubungan Etnik Rentas Agama dan Budaya Pasca COVID-19 : Kajian di Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Kota Kinabalu dan Kudat (SDK0159-2020)’. Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

### Rujukan

- Aratin, N. A. & Abdul Rahman N. F. (2022). Kajian sensitiviti agama: Tinjauan awal di Sabah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 23 (3), 182-200.
- Basmeih, S.A. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juz)*. Kuala Lumpur : DarulFikir.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014. (2015). Sabah : Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah. Diakses dari [http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016\\_1.pdf](http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf).
- Che Ya, C. A. (2018). Gambaran konflik politik dalam kalangan masyarakat Sabah. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*, 12 (11), 16-28.
- Ismail, H., Hassan, K., & Zakaria, M. N. (2016). Kesederhaan ke arah perpaduan kaum di Malaysia. *Journal of Techno-Social*, 8(2), 70-84.
- Ismail, M. K. I., Noor Zainan, N. I., & Ab. Rahman, N. H. (2023). Toleransi beragama dalam masyarakat majmuk: satu penelitian dari perspektif syarak dan Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Journal Of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (58), 233 - 242.
- Jusoh, L.M., & Embong, Z. (2021). Cabaran memperkuuh kesepaduan sosial dalam masyarakat superdiversity di Malaysia. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*. Special Issue, 109-120.

- Khairu Anwar, A.S., Tan, B.P., & Mahadir Naidu, N. B. (2021). Sensitiviti moral melalui interaksi pelajar pelbagai budaya. *Muallim Journal of Social Science and Humanities MJSSH Online*, 5 (2), 41-56.
- Lukin, S.A., Esa, M.S., Abang Muis, A.M.R., Ationg, T., Mohd. Tamring, B. A., Othman, I. W., & Mokhtar, S. (2021). Kaedah dan cabaran dalam mengurus hubungan etnik di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 6 (23), 115-124.
- Md Nawi, N. H., & Che Daud, B. (2019). Kaedah penyelidikan Islam bersepada: pencarian kebenaran dan keberkatan ilmu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4 (19), 84-96.
- Mohamad Rohana, N.A., P. Rameli, M.F., Nordin, R., & Hashim, S.N.I. (2017). Kepelbagai dan kesepadan etnik di malaysia menurut Islam. *Sains Insani*. 2 (2), 88-97.
- Mohd Tamring, B. A. (2008a). *Pengaruh agama dalam interaksi dan toleransi etnik: Kajian kes ke atas pelajar bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah*. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah. Tidak Diterbitkan.
- Mohd Tamring, B. A. (2008b). Toleransi Etnik di Sabah: Perspektif jarak sosial bogardus. Dlm. Mahali, S.N. & Mohd Tamring, B.A. (Pnyt). *Pluraliti dalam kearifan lokal di Sabah*. Kota Kinabalu : Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2008.
- Mohd Tamring, B. A & Mahali, S.N. (2020). Toleransi penduduk bumiputera terhadap kaum Cina di Sabah: Kajian kes dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (12), 230 - 240.
- Najir. S. R. (2019). Sejarah Populasi Sabah: Impak terhadap sosioekonomi, 1960-an hingga 2000-an. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*. 4 (1), 65-85.
- Ramlie, H. A., Mokhtar, S., Esa, M. S., & Hashim, J. (2022a). Signifikasi hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 7 (45), 01-17.
- Ramlie, H. A., Hashim, J., Mokhtar, S., & Esa, M. S. (2022b). Persepsi guru terhadap hubungan etnik rentas agama dan budaya dalam kalangan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 7 (47), 493-503.
- Ramlie, H. A. & Mohd. Nor, N. M. (2023b). Ethnic relation across religion and culture in schools: A narrative research. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 13 (9), 2207-2217.
- Sintang, S., Mohd Tamring, B.A., Lukin, S.A., & Mohd. Yakin, H. S. (2019). Fenomena agama di pedalaman Sabah. *Sejarah: Journal of History*. 28 (2) ,187-199.
- Sabah Gazette. (2021). Utamakan keharmonian seiring gagasan ‘Fiqh Sabahi’. Diakses dari <https://www.sabahgazette.com/utamakan-keharmonian-seiring-gagasan-fiqh-sabahi-hajiji/>. 20 Nov 2023.
- Tan, T.C & Abdullah, M.S. (2021). Kesepadan sosial dalam kalangan pelajar universiti. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*. 2 (2), 24-33.
- Utusan Borneo. (2017). Gagasan Fiqh Sabahi permudah soal kehidupan Sabah. Diakses dari <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20170623/281883003342492>. 20 Nov 2023.
- Yahaya, M. (2009). *Sejarah politik dan sosiobudaya masyarakat Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria, J., & Daud, S. (2018). Menelusuri pendemokrasian di Malaysia: Impak terhadap pencapaian integrasi nasional. *e-Academia Journal*, 7 (1), 1-14.